

Risau nyawa keluarga

>>Oleh Mohd Hafizee Mohd Arop

hafizee@hmetro.com.my

SERDANG: "Apabila dihubungi isteri memberitahu rumah kami di masuk air, saya amat bimbangkan nyawanya serta anak kerana dia begitu cemas ketika itu. Saya menyuruh dia keluar mencari kawasan lebih tinggi," kata mangsa banjir di Taman Sri Serdang, Hasmadi Razali, 36.

Kelmarin, hujan lebat hampir sejam menyebabkan beberapa kawasan di Taman Sri Serdang dan Taman Serdang Indah serta beberapa kawasan di Kajang iaitu Jade Hill, Sungai Chua dan Balakong dilanda banjir.

Keadaan itu juga menyebabkan kesesakan teruk hampir lima jam apabila jalan dinaiki air manakala berpuh kenderaan rosak akibat terperangkap dalam banjir terbabit.

Menurut Hasmadi, sewaktu



HASMADI...bimbang

kejadian, dia dalam perjalanan pulang dari tempat kerja dan amat cemas apabila diberitahu rakan kawasan perumahannya ditenggelami air.

Katanya, ini adalah kejadian banjir pertama yang pernah dialaminya kerana sebelum ini air hanya melimpah di kawasan longkang.

"Semua barangan gagal diselamatkan kerana ia berlaku begitu pantas. Saya menganggarkan kerugian lebih



FAIZAL...bengkel rosak

RM10,000 disebabkan barang elektrik semuanya rosak.

"Saya amat berharap ada pihak sudi membantu disebabkan kami tinggal sehelai sepinggang dan terpaksa meminjam baju sanak saudara," katanya.

Sementara itu, mekanik, Faizal Mohd Nor, 31, berkata, lima kereta milik pelanggan di bengkelnya mengalami kerosakan teruk kerana ditenggelami air.

Takungan air tak diselenggara

SERDANG: Kawasan takungan air yang tidak diselenggara dengan betul termasuk sistem perparitan tidak diurus dengan baik menjadi punca banjir teruk yang berlaku di kawasan Taman Sri Serdang dan Taman Serdang Indah, kelmarin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Serdang, Datuk Mohamad Satim Diman berkata, pemantauan awal yang dilakukannya mendapati dua perkara itu menjadi punca utama berlaku banjir teruk dan mahu kerajaan negeri mengambil langkah efektif untuk menyelesaikan masalah itu.

Katanya, pembangunan sekitar kawasan itu yang semakin pesat perlu diambil kira dengan memastikan keseluruhan longkang diselenggara dengan betul supaya kejadian seperti itu tidak lagi berlaku.

Menurutnya, ketika ini pihaknya sedang mentafsir jumlah kerugian dialami penduduk kawasan terbabit sebelum diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan selanjutnya.



BERSIH...anggota bomba membersihkan kelas yang kotor sambil dibantu murid sekolah.

Pelajar dipindah ke tingkat atas

SERDANG: Sekolah Kebangsaan Sri Serdang yang terbabit dalam kejadian banjir kelmarin, ditutup bagi membolehkan kerja pembersihan kawasan sekitar serta bilik darjah dilakukan.

Penolong Kanan Petangnya, Siti Hawa Hussin berkata, hujan lebat berlaku pada jam 4 petang kelmarin menyebabkan keseluruhan kawasan sekolah dinaiki air memaksa semua murid di bilik darjah tingkat bawah dipindahkan ke tingkat atas.

Katanya, selain itu lebih 17 kereta guru rosak akibat kejadian itu.

Menurutnya, semua guru bergotong-royong untuk membersihkan kawasan sekolah dengan bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

"Selepas semua kawasan dibersihkan, sesi persekolahan diteruskan seperti biasa. Memang kejadian kali ini adalah yang paling teruk disebabkan air naik sehingga ke paras lutut," katanya.